

KELESTARIAN KHAZANAH WARISAN TAK KETARA ORANG ASLI: BAHASA AUSTROASIATIK DALAM PENDIDIKAN

FAZAL MOHAMED MOHAMED SULTAN

PROGRAM LINGUISTIK
PUSAT KAJIAN BAHASA DAN LINGUISTIK
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

Taburan Peribumi di Malaysia



PENDAHULUAN

Orang Asli merupakan antara masyarakat terawal yang mendiami Tanah Melayu. Kini orang Asli dikenali sebagai masyarakat Peribumi. Mengikut Akta Orang Asli 1954 (Akta 134) semakan 1974, Orang Asli ditakrifkan sebagai mana-mana bapanya ialah ahli daripada kumpulan etnik Orang Asli dan lazimnya mengikut cara hidup Orang Asli dan adat dan kepercayaan Orang Asli, dan termasuklah seorang yang berketurunan melalui lelaki orang itu.

Mana-mana orang daripada mana-mana kaum yang diambil sebagai anak angkat semasa budak oleh Orang Asli dan yang telah dibesarkan sebagai seorang Orang Asli, lazimnya bercakap bahasa Orang Asli, lazimnya mengikut cara hidup Orang Asli dan adat dan kepercayaan Orang Asli ialah ahli daripada suatu masyarakat Orang Asli atau;

Anak daripada mana-mana penyatuan antara seorang perempuan Orang Asli dengan seorang lelaki daripada suatu kaum lain, dengan syarat bahawa anak itu lazimnya bercakap bahasa Orang Asli, lazimnya mengikut cara hidup Orang Asli dan adat dan kepercayaan Orang Asli dan masih lagi menjadi ahli daripada masyarakat Orang Asli atau;

Mana-mana Orang Asli yang tidak lagi berpegang kepada kepercayaan Orang Asli kerana dia telah memeluk mana-mana agama atau kerana apa-apa sebab lain, tetapi dia masih mengikut cara hidup Orang Asli dan adat Orang Asli atau bercakap bahasa Orang Asli tidak boleh disifatkan sebagai tidak lagi menjadi Orang Asli semata-mata oleh sebab dia mengamalkan agama itu.¹

Di Malaysia, terdapat tiga kelompok atau kumpulan Orang Asli yang besar iaitu kelompok Melayu-Proto, Senoi dan juga Negrito. Kelompok Negrito merupakan kumpulan orang asli yang mula-mula dikenal pasti di negara ini dan mereka merupakan kelompok yang paling kecil sekali di antara ketiga-tiga kelompok ini. Suku kaum Negrito juga merupakan antara sekumpulan orang asli yang paling tua ditemui. Mereka mendiami kawasan di sekitar banjaran Titiwangsa yang berpusat kebanyakannya di sebelah utara Semenanjung.

¹ Dipetik daripada laman web Jabatan Hal Ehwal Orang Asli (JHEOA).

Mereka dikatakan berasal dari selatan China (Yunan) dan Taiwan. Penghijrahan mereka ke selatan bermula dari Filipina menganjur ke kawasan kepulauan Indonesia hingga ke penghujung tanah besar Asia, Pulau Pasifik dan Madagascar. Terdapat sesetengah pengkaji lepas yang mengatakan bahawa kumpulan Negrito datang ke Semenanjung Tanah Melayu sekitar 25 000 tahun yang lalu. Mereka dikatakan sebagai kaum dari tinggalan zaman paleolitik (zaman batu lama) yang mengunjur dari Semenanjung ke Pasifik. Namun pandangan ini agak mustahil untuk disahkan. Hal ini kerana tidak terdapat bukti bertulis yang merujuk kepada kedatangan suku Negrito ini. Apa yang ada hanyalah spekulasi sejarah yang disampaikan melalui cerita-cerita lisan.

Penulisan pertama yang menulis berkaitan dengan suku Negrito telah dilakukan oleh seorang lelaki Inggeris yang bernama John Smith pada tahun 1600.² Beliau merupakan penasihat Permaisuri Pattani pada masa itu. Kumpulan Negrito merupakan subkelompok bahasa Austro Asiatik di mana bahasanya adalah berbeza sama sekali dengan bahasa Melayu. Hal ini kerana bahasa Melayu berasal daripada kelompok bahasa Austronesia. Rumpun bahasa yang berbeza membawa maksud bahawa kedua-dua bahasa ini memiliki bahasa purba yang berbeza-beza.

Pada masa dahulu, terdapat panggilan lain yang digunakan untuk merujuk kepada kumpulan Negrito ini. Panggilan tersebut ialah Semang dan Pangan. Panggilan Semang digunakan untuk merujuk kepada kaum Negrito yang mendiami negeri Perak dan Pahang. Manakala panggilan Pangan pula digunakan untuk merujuk kepada kaum Negrito yang berada di negeri Kelantan.

Nama Negrito itu sendiri mempunyai makna yang tersendiri iaitu "*little negro*" atau pun anak negro di mana ia diberikan berdasarkan bentuk fizikal mereka yang menyerupai orang Negro di Afrika. Hal ini dapat dilihat dengan jelas seperti kaum Mendriq yang bentuk fizikalnya menyerupai orang Negro Afrika di mana mereka bersaiz kecil, berketinggian dalam lingkungan lima kaki dan ke bawah. Selain itu mereka memiliki hidung yang leper dan luas, mata yang bulat dan tulang pipi yang rendah. Warna kulit mereka pula coklat gelap dan ke arah kehitam-hitaman

² Rujuk Iskandar Carey. 1976. *Orang asli: the aboriginal of Peninsular Malaysia*. London: Oxford University Press.

serta rambut yang berkerinting halus. Bentuk fizikal yang dinyatakan ini juga seiring dengan pandangan yang diberikan oleh Ivor H. N. Evans (1968) yang mengatakan bentuk fizikal orang Negrito seperti berikut:

“the average colour of the people was dusky chocolate, the women being as a rule rather lighter than the man. Almost every individual was filthy dirty...For this reason the real skin colour probably a great many shades lighter than it appears to be; in some cases the skin over the cheek bones, which had in some manner been wiped more or less clean, showed up as a rich red brown. in about seventy per cent of the males the hair could be described as of the true peppercorn type, while in almost twenty per cent it was as straight as in the Malays. None of the men wore his hair more than three inches long and the majority had it a great deal shorter. The women’s heads were close shaven with the exception of a single tuft in the median line at the back. In many cases, both in men and women, the hair had a distinctly rust red tinge”.³

Kumpulan Negrito boleh dipecahkan kepada beberapa suku kaum lagi. Antaranya termasuklah suku kaum Bateq, suku kaum Jahai, suku kaum Kintak, suku kaum Lanoh, suku kaum Kensiou dan juga suku kaum Mendriq. Kesemua suku kaum Negrito ini mendiami Semenanjung Tanah Melayu sahaja. Berikut merupakan pembahagian populasi kaum Negrito yang ada di Semenanjung Malaysia pada tahun 1969:

Jadual 1.1: Pembahagian populasi kaum Negrito yang ada di Semenanjung Malaysia pada tahun 1969.

Negeri	Kintak	Kensiou	Jahai	Mendriq	Batek	Lanoh	Jumlah
Kedah	-	100	-	-	-	-	100
Perak	120	-	500	-	-	260	880
Kelantan	-	-	200	120	330	-	650
Terengganu	-	-	-	-	20	-	20
Pahang	-	-	-	-	150	-	150
Jumlah	120	100	700	120	500	260	1800

³ Ivor H. N. Evans. 1968. The negritos of Malaya. London: Frank Cass and Company Limited.

Berdasarkan jadual di atas, kaum Jahai merupakan kaum yang terbesar dalam suku Negrito ini. Ia diikuti pula oleh suku kaum Batek yang mempunyai 500 orang penduduk. Dapat diperhatikan bahawa suku kaum Mendriq merupakan suku kaum yang paling kecil jumlahnya. Pada sekitar tahun 1969, ia hanya mencatatkan sebanyak 120 orang penduduk sahaja. Bilangan populasi dalam jadual ini dapat dibandingkan pula dengan Jadual 1.2 di bawah:

Jadual 1.2 : Populasi suku kaum Asli di Selatan Thailand dan Semenanjung Malaysia, 2000.

MON-KHMER			AUSTRONESIA	
Orang Asli Utara	Orang Asli Tengah	Orang Asli Selatan	Malayik	
“Maniq” ≈200	Lanoh 359	Semaq Beri 2, 488	Temuan	16, 020
Kensiu 224	Temiar 15, 122	Semelai 4, 103	Jakun	16, 637
Kentaq 359	Semai 26, 049	Besisi 2, 185	Orang Kanaq	64
Jahai 1,049	Jah Hut 3, 193		Orang Seletar	801
Mendriq 145			Duano	2, 492
Bateq 960				
Chewong 403				
Jumlah 3, 340	44723	8,776	36,014	

Daripada jadual ini, didapati bahawa populasi suku kaum Mendriq meningkat kepada 145 orang (B. Geoffrey & C. Cynthia: 2002). Walau bagaimanapun, jumlah ini tidak banyak berubah untuk jangka masa tersebut (33 tahun). Kini, dianggarkan penduduk Mendriq hanya berjumlah sekitar 200 hingga 300 orang sahaja dan kebanyakannya merupakan kanak-kanak. Sesuatu yang menarik mengenai mereka ialah mereka tertumpu di negeri Kelantan. Selain nama Mendriq, suku kaum ini juga dikenali sebagai suku Menrik, Menrak, Mendrik dan juga Menrab. Dalam bahasa mereka, Mendriq membawa maksud manusia. Kehidupan mereka begitu mudah di mana kegiatan ekonomi utama mereka ialah dengan memungut hasil-hasil hutan dan menjualkannya kepada peraih di pasar. Penduduk etnik Orang Asli yang berada di Kuala Lah ini kebanyakannya tidak mempunyai agama yang tetap kerana ada segelintir daripada masyarakat yang beragama islam tetapi mereka juga masih mengekalkan kepercayaan nenek moyang mereka, iaitu anamisme.

PENDIDIKAN



Keciciran pelajar Orang Asli merupakan satu isu yang berlarutan sejak Malaysia mencapai kemerdekaan. Malah Malaysian Blueprint Education (2017) telah mencatatkan bahawa lebih 60% pelajar tidak menyambung pelajarannya di Tingkatan 1. Pelbagai usaha telah dijalankan oleh kerajaan dan badan bukan kerajaan seperti SUHAKAM untuk membantu anak2 Orang Asli berjaya dalam pendidikan kerana pendidikan boleh membawa mereka keluar dari belenggu kemiskinan. Namun usaha itu tidak menampakkan apa-apa kejayaan malah lebih banyak usaha yang dijalankan lebih ramai pula tercicir. Ini membuktikan bahawa ada satu kesilapan yang terlepas pandang yang menyebabkan usaha 62 tahun tidak mencapai kejayaan yang diimpikan. Sebenarnya masalah ini dapat diselesaikan sekiranya akar umbi kepada masalah ini dapat dikenalpasti. Tiada siapa pun pernah terfikir bahawa akar umbi kepada masalah ini adalah pengetahuan cetek kita terhadap bahasa ibunda mereka. Pengetahuan mendalam mengenai bahasa yang melibatkan bunyi, struktur dan pembentukan kata dan ayat boleh membantu kita untuk mengetahui cara pemikiran kaum itu. Cara seseorang itu berbahasa itu menggambarkan cara orang itu berfikir. Pengetahuan mengenai pemikiran kaum itu boleh membantu pula kerajaan untuk mendraf polisi pendidikan yang mesra kaum Orang Asli. di masa hadapan. Polisi pendidikan yang tepat boleh membantu dalam usaha membawa pembangunan mampan anak-anak ini.

Pendidikan bahasa juga membantu orang lain untuk mengetahui pengetahuan alam sekitar yang luas oleh Orang Asli dan memastikan usaha konservasi alam sekitar di masa hadapan sekaligus. Ini sekaligus membantu kerajaan untuk memastikan keamanan dan pembangunan mampan Orang Asli. Pembangunan mampan pula hanya boleh dicapai sekiranya Orang Asli ini diberikan peluang untuk mempertahankan bahasanya dalam jangkamasa panjang.

NAHU SEJAGAT DAN HUBUNGANNYA DENGAN PEMBELAJARAN

Menurut Chomsky (1986), kanak-kanak dilahirkan dengan nahu sejagat. Melalui satu proses yang panjang dan tanpa pendidikan formal sehingga 4 tahun atau 5 tahun, kanak-kanak itu dapat mengubah dan mengadaptasikan nahu sejagat tersebut dan membentuk nahu bagi bahasanya tersendiri. Kebolehan ini terbukti apabila kanak-kanak ini boleh berkomunikasi dalam bahasa ibundanya tanpa apa-apa masalah. Namun pembentukan nahu bahasanya tidak akan berlaku dalam sekelip mata. Biasanya keadaan ini berlaku berperingkat iaitu peringkat satu perkataan, diikuti oleh dua perkataan dan seterusnya membentuk frasa yang digabungkan untuk membentuk ayat. Malah kanak-kanak ini terus membentuk nahunya sehingga dapat membentuk ayat yang lebih kompleks. Pada peringkat ini kanak-kanak ini dapatlah dianggap sebagai penutur natif bahasa tersebut. Kebolehan yang begitu kompleks itu pula akan dibebani dengan nahu baru iaitu apabila kanak-kanak ini memasuki alam persekolahan. Nahu yang dimaksudkan ialah pembelajaran bahasa kedua. Para pendidik telah sedia maklum bahawa pembelajaran bahasa kedua adalah suatu masalah yang berat hampir kepada semua pelajar. Namun demikian, semua tenaga pengajar perlu memahami bahawa akar umbi kepada masalah ini adalah disebabkan oleh struktur ayat atau frasa yang berbeza yang menyebabkan pelajar lambat menjadi kompeten dalam suatu bahasa kedua. Sebagai contoh kertas kerja ini akan membahaskan dan membincangkan serta membawa ketengah perbezaan dan persamaan bahasa Kensiu dan bahasa Melayu untuk dijadikan panduan oleh tenaga pengajar yang mengajar bahasa Melayu kepada peribumi.

2.0 FRASA NAMA BAHASA KENSIU

Perbincangan ini akan hanya menjelaskan FN serta elemen-elemen leksikal yang membentuk FN tersebut. Pembentukan FN ini akan melibatkan kata leksikal yang mengikuti dan mendahului kata

nama kepala FN bahasa Kensi. Untuk mendapatkan data, satu kajian lapangan yang melibatkan 5 orang informan yang berumur di antara 50 hingga 70 tahun telah dijalankan.

2.1 GOLONGAN KATA YANG MENDAHULUI KATA NAMA BAHASA KENSIU

Bahagian ini akan membincangkan mengenai golongan kata yang mendahului kata nama bahasa Kensi. Perbincangan ini akan membahaskan bahawa bahasa Kensi boleh didahului oleh dua jenis golongan kata iaitu kata bilangan⁴ dan penjodoh bilangan. Perbincangan ini akan didahului dengan mengenalpasti kata nama dan seterusnya jenis golongan kata yang mendahuluinya.

Secara sejagat, kata nama sebagai salah satu daripada golongan kata dalam sesuatu bahasa boleh dibahagikan kepada tiga jenis. Jenis pertama ialah bahasa tanpa kata nama, jenis kedua ialah bahasa yang tidak boleh diidentifikasi kata namanya dan jenis ketiga ialah bahasa yang jelas kata namanya (Rijkhoff, 2002:12). Bahasa Kensi adalah bahasa yang mempunyai kata nama yang jelas seperti:

- (1) a. hihuk
 kayu
- b. betiu
 air
- c. penyuk
 kain
- d. cebak
 bukit
- e. burung
 kawau
- f. rumah
 hiyak

⁴ Kata bilangan ini turut meliputi kata kuantiti.

Melalui data (1), pengkaji mendapati bahawa kata nama tersebut tidak boleh dijamakkan dengan imbuhan yang tertentu. Sebaliknya bahasa ini menggunakan kata bilangan iaitu kata kuantiti iaitu *jenuh* yang membawa maksud *banyak* atau *ramai* untuk menjamakkan sesuatu kata nama. Oleh yang demikian, kesemua kata nama dalam (1) akan dijamakkan dengan kehadiran kata bilangan seperti dalam (2):

- (2)
- a. jenuh hihuk
banyak kayu
 - b. jenuh betiu
banyak air
 - c. jenuh penyuk
banyak kain
 - d. jenuh cebak
banyak bukit
 - e. jenuh kawau
banyak burung
 - f. jenuh hiyak
banyak rumah

Sifat yang sedemikian bukan suatu yang tidak disangka. Bahasa Melayu yang merupakan salah satu daripada bahasa daripada rumpun Austronesia juga mempunyai sifat yang sama. Satu perbezaan ialah KN dalam bahasa Kensiu tidak mempunyai penggandaan. Walaupun demikian, urutan di antara kata kuantiti dan kata nama adalah tegas iaitu kata kuantiti sentiasa mendahului kata namanya. Urutan yang sebaliknya tidak diterima dalam bahasa ini:

- (2)
- *a'. hihuk jenuh
 - *b'. betiu jenuh
 - *c'. penyuk jenuh
 - *d'. cebak jenuh
 - *e'. kawau jenuh
 - *g'. hiyak jenuh

Seterusnya kertas kerja ini akan menjelaskan perkataan yang mendahului KN bahasa Kensiu. KN dalam bahasa Kensiu juga boleh didahului oleh penjodoh bilangan. Bahasa Kensiu menggunakan hanya satu jenis penjodoh bilangan sahaja dan tidak mempunyai perbezaan atau keserasian yang nampaknya wujud dalam bahasa ini seperti yang ditunjukkan dalam (3):

- (3) a. biya kebek naka
dua ulas nangka
- b. biya kebek lembu
dua ekor lembu
- c. biya kebek kawau
dua ekor burung
- d. biya kebek hiyak
dua buah rumah

Walaupun begitu, bahasa ini turut meminjam beberapa penjodoh bilangan daripada bahasa Melayu. Peminjaman ini kebanyakannya melibatkan benda-benda yang moden yang tidak terdapat dalam kehidupan lampau mereka iaitu seperti dalam (4):

- (4) a. biya batang kayu
dua batang kayu
- b. biya ting betiu
dua tong air
- c. biya helai penyuk
dua helai kain
- d. nai ules naka
satu ulas nangka

Perbezaan ini jelas apabila perkataan *ulas* yang digunakan dalam FN (3a) mempunyai perkataan yang sama dengan bahasa Kensiu dalam (4d). Penggunaan bahasa Melayu telah banyak mempengaruhi bahasa Kensiu.

Frasa (3) dan (4) menggambarkan bahawa penjodoh bilangan mendahului kata nama dalam FN bahasa ini. Walaupun demikian, urutan di antara penjodoh bilangan dan kata nama adalah tegas iaitu penjodoh bilangan sentiasa mendahului kata namanya. Urutan yang sebaliknya tidak akan diterima dalam bahasa ini:

- (5) *a. biya naka kebek
- *b. biya lembu kebek
- *c. biya kawau kebek
- *d. biya hiyak kebek

Kehadiran penjodoh bilangan juga tidak bersifat wajib. Sebaliknya penjodoh bilangan itu boleh bersifat optional. Ini membawa maksud bahawa kehadiran penjodoh bilangan tidak dipengaruhi oleh jenis kata nama itu. Kesemuanya adalah optional seperti dalam data (6). Sifat optional digambarkan dengan tanda kurungan:

- (6) a. biya (kebek) naka
dua ulas angka
- b. biya (kebek) lembu
dua ekor lembu
- c. biya (kebek) kawau
dua ekor burung
- d. biya (kebek) hiyak
dua buah rumah

Perbincangan dalam (3) hingga (6) mendapati bahawa kehadiran kata bilangan dan penjodoh bilangan mempunyai satu urutan yang tetap. Penjodoh bilangan sentiasa mendahului kata nama manakala kata bilangan pula mendahului penjodoh bilangan dalam FN bahasa Kensiu. Analisis iaitu FN dalam bahasa Kensiu boleh digambarkan seperti dalam (7):

- (7) kata bilangan - penjodoh bilangan - kata nama

Urutan dalam FN bahasa Kensiu ini membentuk satu urutan yang mempunyai tiga fakta yang perlu diberikan perhatian. Fakta pertama ialah penjodoh bilangan dan kata bilangan yang membentuk FN bahasa Kensiu mempunyai satu urutan yang tegas iaitu kata bilangan mendahului penjodoh bilangan dan penjodoh bilangan mendahului kata nama kepala seperti yang digambarkan dalam (7). Fakta yang kedua ialah penjodoh bilangan tidak boleh hadir tanpa kata bilangan tetapi sebaliknya kata bilangan boleh hadir tanpa penjodoh bilangan. Ini menjelaskan bahawa kehadiran penjodoh bilangan adalah bersifat optional. Fakta yang ketiga ialah ketiadaan keserasian antara kata nama kepala dengan penjodoh bilangan yang hadir mendahuluinya kerana hanya satu jenis penjodoh bilangan sahaja iaitu *kebek*.

2.2 GOLONGAN KATA YANG MENGIKUTI KATA NAMA BAHASA KENSIU

FN bahasa Kensiu ini juga tidak semesti hanya mempunyai golongan kata yang mendahuluinya sahaja. Kata nama kepala dalam bahasa ini juga mempunyai golongan kata yang mengikutinya untuk membentuk FN. Kata nama ini boleh diikuti oleh kata pemilik dan kata penentu.

Kata pemilik boleh terdiri daripada gantinama diri. Penggunaan ganti nama dalam Bahasa Kensiu ini agak sempit. Bahasa ini tidak mempunyai ganti nama yang banyak seperti bahasa Melayu. Ganti nama mereka hanya terdiri daripada seperti dalam jadual (8) di bawah.

(8)

GANTINAMA BAHASA MELAYU	GANTINAMA BAHASA KENSIU
saya	yek
dia	tak (lelaki) yak (perempuan)
kami	yam
kamu	bok

Bahasa ini tidak menggunakan suatu perkataan untuk gantinama *aku*, *engkau* dan sebaliknya seperti dalam bahasa Melayu. Walaupun begitu, gantinama untuk kata nama bagi lelaki dan perempuan dibezakan. Ini menunjukkan bahasa Kentsiu ini mempunyai penandaan *gender* pada gantinama diri ketiga seperti dalam (9).

- (9) a. tak Nasir
[+lelaki] Nasir
- b. yak Aminah
[+perempuan] Aminah

Oleh yang demikian, kehadiran *tak* dan *yak* dapat membezakan sama ada orang yang dirujuk itu lelaki atau perempuan seperti dalam ayat di bawah:

- (10) a. tak cit nasik.
Dia(lelaki) makan nasi.
- b. yak cit nasik.
Dia(perempuan) makan nasi.

Perkataan yang membentuk FN dalam bahasa Kentsiu itu tidak semestinya mendahului kata nama kepala suatu FN dalam bahasa Kentsiu tetapi terdapat juga perkataan yang mengikutinya seperti kata pemilik dalam frasa (11) dan (12):

- (11) heyak yak
pondok saya
- (12) cas yak
tangan saya

Bahasa ini sangat tegas dari segi urutan kata nama kepala dan kata pemilik:

- (13) *yak heyak
saya pondok
- (14) *yak cas
saya tangan

Frasa (11) dan (12) juga membuktikan bahawa tidak terdapat apa-apa perkataan yang diselitkan untuk menunjukkan milik seperti kehadiran perkataan *kepunyaan* dalam bahasa Melayu.

Di samping urutan ini, bahasa ini juga turut mempunyai kata penentu. Bahasa ini hanya mempunyai satu kata penentu iaitu *on*. Kata penentu ini juga sentiasa mengikuti kata nama itu seperti dalam (15):

- (15) a. awe on
 rotan itu
- b. menek on
 orang itu

Urutan kata penentu dan kata nama kepala adalah tegas. Ini bermakna urutan yang terbalik iaitu kata penentu mendahului kata nama kepala tidak diterima:

- (16) *a. on awe
 itu rotan
- *b. on menek
 itu orang

Perbincangan dalam frasa (11) hingga (16) telah menunjukkan satu urutan yang menarik iaitu terdapat dua golongan kata yang mengikuti kata nama iaitu kata penentu dan kata pemilik. Namun demikian, bahasa Kensiu tidak membenarkan kehadiran kedua-duanya hadir sekali dalam apa-apa urutan:

- (17) *a. yak yek on
 nenek saya itu
- *b. yak on yek

Pada keseluruhannya FN dalam bahasa Kensiu boleh terdiri daripada kata kuantiti, penjodoh bilangan, kata nama, kata pemilik dan kata penentu. Keempat-empat golongan kata ini mempunyai urutan yang tetap dalam bahasa Kensiu. Keempat-empat golongan kata itu mempunyai urutan seperti di bawah:

(18) kata kuantiti - penjodoh bilangan - kata nama – kata pemilik/kata penentu

3.0 Struktur frasa nama (FN) bahasa Melayu

Frasa nama dalam bahasa Melayu didahului oleh kata nombor seperti *dua, tiga empat*, kata kuantiti seperti *beberapa, kesemua, setiap* dan penjodoh bilangan seperti *buah, biji, seulas* dan sebagainya. FN ini juga turut diikuti oleh kata penentu seperti *itu* dan *ini*.

Kata nombor, kata kuantiti dan penjodoh bilangan mempunyai satu urutan yang tetap (Rogayah 1995). Kata nombor dan kata kuantiti tidak boleh hadir pada masa yang sama mendahului kata nama seperti dalam ayat (19c):

- (19) a. beberapa (batang) pen
b. dua orang manusia
c. *beberapa dua orang manusia

Kata nama dalam (19a) boleh didahului oleh kata kuantiti *beberapa* atau kata nombor *dua* dalam (19b). FN (19c) menunjukkan bahawa kehadiran kata kuantiti dan kata nombor pada masa yang sama dalam satu FN tidak diterima dalam bahasa Melayu. Tanda kurungan bagi penjodoh bilangan dalam (19a) pula bermakna penjodoh bilangan boleh bersifat opsional. Penggunaan sesetengah penjodoh bilangan adalah wajib sementara sesetengahnya pula adalah opsional kerana menurut Ramli (1995:4), kehadiran penjodoh bilangan adalah bergantung kepada bentuk fitur semantik (\pm bernyawa, \pm manusia) pada penjodoh bilangan itu. Oleh yang demikian, perbincangan mengenai kata kuantiti, kata nombor dan penjodoh bilangan dapat disimpulkan kepada satu urutan seperti dalam (20):

(20) { Kata kuantiti } - penjodoh bilangan - kata nama
{ Kata nombor }

Seterusnya, kita juga perlu membincangkan frasa yang mengikuti kata nama kepala dalam bahasa Melayu. Frasa yang dimaksudkan adalah terdiri daripada FN genitif, frasa adjektif (FA) dan frasa preposisi (FP) seperti di bawah:

- (21)
- a. [FNKain [FNAhmad]] telah koyak.
 - b. [FNKain [FABiru]] itu telah dibuang.
 - c. [FNKehancuran [FPdi Iraq]] tidak boleh dielak.

Kesimpulannya ialah FN dalam bahasa Melayu terdiri daripada leksikal kata nama dan satu atau lebih daripada satu kata penerang. Kata penerang bukan frasa seperti kata penentu, kata kuantiti, kata nombor dan penjodoh bilangan mendahului kata nama dalam FN manakala kata penerang frasa seperti FN genitif, frasa adjektif mengikuti kata nama.

Maka urutan yang boleh disimpulkan ialah:

- (22) $\left\{ \begin{array}{l} \text{Kata kuantiti} \\ \text{Kata nombor} \end{array} \right\}$; (penjodoh bilangan) ; N; kata pemilik; penentu

4.0 PERSAMAAN DAN PERBEZAAN BAHASA KENSIU DAN BAHASA MELAYU

Pada keseluruhannya FN dalam bahasa Kensiou boleh terdiri daripada kata kuantiti, penjodoh bilangan, kata nama, kata pemilik dan kata penentu. Keempat-empat golongan kata ini mempunyai urutan yang tetap dalam bahasa Kensiou. Keempat-empat golongan kata itu mempunyai urutan seperti di bawah:

- (23) kata kuantiti - penjodoh bilangan - kata nama – kata pemilik/kata penentu

Malah bahasa Melayu juga mempunyai urutan yang hampir sama iaitu seperti di bawah:

- (24) $\left\{ \begin{array}{l} \text{Kata kuantiti} \\ \text{Kata nombor} \end{array} \right\}$; (penjodoh bilangan) ; N; kata pemilik; penentu

Namun demikian kita perlu sedar bahawa terdapat perbezaannya sebelum dan selepas kata nama tersebut iaitu jenis penjodoh bilangan dan pemilihan penjodoh bilangan tersebut dan pemilihan kata penentu dan kata pemilik.

Bahasa Kensiu tidak membezakan jenis penjodoh bilangan yang digunakan seperti di dalam bahasa Melayu. Bahasa Kensiu menggunakan hanya perkataan *kebek* sahaja untuk mewakili semua penjodoh bilangannya manakala bahasa Melayu mempunyai berbagai jenis penjodoh bilangan yang bergantung kepada kata nama tersebut. Oleh yang demikian para guru perlu sedar bahawa pengajaran penjodoh bilangan perlu dititikberatkan.

Seterusnya pendidik juga perlu sedar bahawa bahasa Kensiu tidak membenarkan kehadiran kata pemilik dan kata penentu pada masa yang sama. Ini mungkin akan mengelirukan pelajar Kensiu kerana kehadiran kata pemilik dan kata penentu pada masa yang sama dibenarkan dalam bahasa Melayu. Oleh yang demikian, perhatian perlu diberikan dalam pengajaran mengenai kata pemilik dan kata penentu.

5.0 KESIMPULAN

Kertas kerja ini telah membincangkan frasa nama salah satu bahasa dari rumpun Austroasiatik dan rumpun Austronesia. Rumpun bahasa Austroasiatik adalah terdiri daripada bahasa Kensiu manakala rumpun bahasa Austronesia adalah terdiri daripada bahasa Melayu. Perbincangan ke atas kedua-dua bahasa ini ditumpukan kepada urutan frasa nama dan implikasinya kepada penutur kedua bahasa Melayu. Analisis ke atas kedua-dua bahasa telah menggambarkan bahawa terdapat perbezaan pada elemen yang mendahului dan mengikuti kata nama dalam frasa nama kedua-dua bahasa tersebut. Oleh yang demikian, kertas kerja ini telah mencadangkan bahawa para pendidik perlu memberikan perhatian kepada pengajaran elemen yang mendahului kata nama iaitu penjodoh bilangan dan elemen yang mengikuti kata nama iaitu urutan kata pemilik dan kata penentu. Namun demikian, penulis sedang mengkaji dua lagi bahasa kaum Negrito ini iaitu bahasa Mendriq dan bahasa Batik. Persamaan dan perbezaan frasa nama keseluruhan bahasa kaum Negrito ini akan dibentangkan dalam persidangan pada tahun hadapan untuk membantu para pendidik memahami persamaan dan

perbezaannya dengan bahasa Melayu untuk membantu guru merangka pedagogi yang tepat dan peribumi dapat belajar dengan lebih cepat dan menguasai bahasa Melayu dengan tepat.

Rujukan

- Benjamin, Geoffrey. 1976. Austroasiatic subgroupings and prehistory in the Malay Peninsula. Dlm. P.N. Jenner, L.C. Thompson and S. Starosta (ed.) *Austroasiatic studies* Part I : 37 – 128. Honolulu: The University Press of Hawaii.
- Bishop, Nancy M. and Mary M. Peterson. 1994. "Kensiw glossary." *Mon-Khmer Studies* 23: 163-95.
- Bishop, Nancy. 1996. A preliminary description of Kensiw (Maniq) phonology. *Mon-Khmer Studies*. 26:245-253.
- Bishop, Nancy M.. 2001. "Sociolinguistic aspects of Northern Aslian languages: a case study of Kensiw (Kensiu) [Baansakai, Yala, Thailand." In Razha Rashid and Wazir Jahan Karim (eds.), *Minority cultures of Peninsular Malaysia: survivals of indigenous heritage* p. 83-99. Penang: Academy of Social Sciences (AKASS).
- Bishop, Nancy M. and Mary M. Peterson. 2002. "The Kensiw (Maniq) people." In TU-SIL-LRDP Committee (ed.), *Minority language orthography in Thailand: five case studies* , 53-68. Bangkok, Thailand: TU-SIL-LRDP Committee.
- Bishop, Nancy M. 1996. "A preliminary description of Kensiw (Maniq) phonology." *Mon-Khmer Studies* 25:227 – 253.
- Chomsky, N. 1986. *Knowledge of language. Its nature, origin, and use*. New York: Praeger.
- Jabatan Hal Ehwal Orang Asli <http://www.jheoa.gov.my>; <http://www.johordt.gov.my>; <http://www.jheoa.gov.my/perak> (Dimuat turun 14 Julai 2019)
- Lyons, John. 1977. *Semantics, 2 vols*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Malaysian Education Blueprint. 2017. Putrajaya: Ministry of Education.
- Prasithratsint, Amara. 2000. Adjectives as verbs in Thai. *Linguistics Typology*. 4/2: 251 – 71.
- Ramli Md. Salleh. 1995. *Sintaksis bahasa Melayu: Penerapan teori Kuasaan dan Tambatan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Rijkhoff, Jan. 2004. *The noun phrase*. Oxford: Oxford University Press.
- Rogayah bt. Hj. A. Razak. 1995. The syntax and semantics of quantification in Malay: a government and binding approach. Tesis Dr. Fal. Universiti Sains Malaysia.